



SIARAN MEDIA

PAVILION MALAYSIA DI FORUM BANDAR SEDUNIA (WUF) KE-12 UN-HABITAT MEMPERSEMBAHKAN NILAI KEMANUSIAAN MADANI DI PERINGKAT GLOBAL

KAHERAH, 5 November 2024 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah merasmikan Pavilion Malaysia yang menonjolkan Nilai Kemanusiaan MADANI kepada pengunjung antarabangsa semasa menghadiri Forum Bandar Sedunia (WUF) ke-12 yang dianjurkan oleh UN-Habitat di sini.

Dalam ucapan pembukaannya, YB KM menekankan peranan penting nilai-nilai kemanusiaan dalam pembangunan lestari, mencerminkan aspirasi Malaysia di bawah kerangka MADANI.

"Rumah adalah di mana hati kita berada, di mana nilai-nilai murni dipupuk, dan di mana impian berakar. Ketika bandar-bandar kita terus menjadi pusat pertumbuhan ekonomi, kita mesti memastikan bahawa ia juga tempat yang boleh kita panggil rumah," katanya.

Lebih daripada 76 peratus penduduk Malaysia kini tinggal di kawasan bandar dan dijangka meningkat kepada 80 peratus menjelang tahun 2023. YB KM menekankan keperluan untuk bandar yang merangkumi budaya, kepelbagaian, kreativiti dan daya tahan terbaik seiring dengan bilangan penduduk bandar yang semakin meningkat di Malaysia.

"Adalah penting bahawa bandar-bandar kita mencerminkan yang terbaik daripada kita—budaya, kepelbagaian, kreativiti, dan daya tahan," katanya. "Melalui semangat Malaysia MADANI, kami berusaha untuk memupuk masyarakat yang inklusif, progresif, dan berdaya tahan, dengan menekankan kesaksamaan dan kebolehdiami."

"Visi ini melangkaui infrastruktur fizikal kerana kita mahu mewujudkan komuniti di mana setiap orang mempunyai rasa memiliki, semangat kekitaan dan peluang yang sama untuk berkembang, memastikan kita tidak terjerumus seperti cerita dongeng *"The Tale of Two Cities,"* tambahnya.

YB KM juga menggariskan komitmen kerajaan terhadap perancangan bandar yang tahan iklim, menyokong amalan pembinaan hijau, dan meningkatkan dasar perumahan untuk memastikan tiada golongan yang tertinggal.

“Melalui inisiatif seperti Program Residensi Rakyat, kerajaan komited untuk menyediakan perumahan yang mampu milik dan berkualiti, memastikan setiap rakyat Malaysia mempunyai tempat untuk dipanggil rumah, tanpa mengira latar belakang atau tahap pendapatan mereka,” tambahnya.

Pavilion Malaysia menampilkan 21 rakan pameran, termasuk Kerajaan Negeri Selangor, pihak berkuasa tempatan, wakil sektor swasta, dan universiti terkemuka. Forum ini dianggarkan telah menarik lebih daripada 28,000 peserta dari 84 negara, menjadikannya platform penting untuk dialog global mengenai pembangunan bandar lestari.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertiwi

#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha*

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T